

KAITAN PERZINAAN DENGAN PERCERAIAN

PENDAHULUAN

Kekecohan isu masalah gejala sosial di kalangan muda mudi di Malaysia terbabit dengan maksiat semakin hebat diperkatakan. Isu pembuangan bayi, pergaulan bebas dan seks rambang perlu dijadikan iktibar dan pengajaran agar umat Islam tidak terjebak ke kancah seks secara haram dan terbabas daripada Syariat yang ditetapkan oleh Allah S.W.T.

Di antara punca utama seseorang terlibat dalam perzinaan adalah disebabkan kegagalan dirinya untuk mengawal nafsu seks yang memuncak. Dalam masa yang sama faktor persekitaran turut menyumbang kepada kegiatan maksiat. Pengaruh rakan sebaya, penggunaan alat telekomunikasi tanpa batas serta kesibukan ibu bapa yang berkerjaya menjadikan anak-anak hidup tanpa bimbingan dan tunjuk ajar.

Bagi menangani gejala maksiat ini, Islam menganjurkan umatnya supaya menahan diri dengan berpuasa. Sabda Rasulullah S.A.W.

*"Wahai golongan pemuda! Sesiapa yang berkemampuan untuk **al-baah** maka hendaklah dia berkahwin kerana sesungguhnya perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan memelihara kemaluan. Sesiapa yang tidak mampu maka hendaklah dia berpuasa kerana puasa itu penghalang baginya (daripada syahwat)."*

(Riwayat Bukhari, Muslim, Tirmizi, Nasai, Abu Daud, Ibn Majah).

PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Islam mengharamkan zina dan menggalakkan umatnya berkahwin. Di antara hikmah perkahwinan ialah sebagai cara yang halal untuk menyalurkan keinginan nafsu seks dan mengelakkan daripada melakukan zina, seks sesama jenis, terlibat dengan pelacuran, seks rambang dan pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan.

Surah al-Israq: 32

Melalui perkahwinan keturunan dan kesucian diri manusia akan terpelihara dan terjaga. Dengan berkahwin manusia akan memperoleh ketenangan, berkasih sayang dan hidup dengan tenteram. Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan-Nya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.

Surah ar-Rum : 21

BATAS PERGAULAN DALAM ISLAM

Islam amat melarang pergaulan bebas tanpa batas di antara lelaki dan perempuan. Larangan ini dinyatakan oleh Allah S.W.T sebagaimana firman-Nya.

Maksudnya : *Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka...*

Surah an-Nur : 31

Firman-Nya lagi

Maksudnya : *Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuan-Nya tentang apa yang mereka kerjakan.*

Surah an-Nur : 30

Islam mengharuskan pertemuan di antara lelaki dan perempuan jika ia menjurus kepada matlamat yang mulia seperti mencari ilmu yang bermanfaat, amal ibadat, perkara kebajikan, jihad dan perkara-perkara lain yang memerlukan pengembelian tenaga antara kedua-duanya.

Etika dan batas pergaulan di antara lelaki dan perempuan menurut Islam ialah :

i. Munundukkan pandangan. Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : *Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka*

Surah an-Nur : 30

Firman-Nya lagi :

Maksudnya : *Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka...*

Surah an-Nur : 31

ii. Menutup aurat sebagaimana firman Allah S.W.T :

Maksudnya : *... dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.*

Surah an-Nur : 31

iii. Wujud batas/had pergaulan antara lelaki dengan perempuan. Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : *... dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik tabir. Cara yang demikian lebih sici bagi hati kamu dan hati mereka...*

Surah al-Ahzaab : 53

iv. Tidak berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan. Sabda Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas R.A :

Maksudnya : *Janganlah seorang lelaki berdua-duaan (khalwat) dengan wanita kecuali bersama mahramnya.*

(Riwayat Bukhari & Muslim)

Sabda Rasulullah S.A.W lagi :

Maksudnya : *Janganlah salah seorang dari kalian berdua-duaan dengan seorang wanita, kerana syaitan akan menjadi ketiganya.*

(Riwayat Ahmad & Termizi dengan sanad yang sahih)

v. Tidak melunakkan ucapan (percakapan). Seorang wanita dilarang melunakkan ucapannya ketika berbicara selain kepada suaminya. Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : *Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).*

Surah al-Ahzaab : 32

vi. Tidak bersentuhan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram sepertimana yang diriwayatkan daripada Aisyah R.A :

Maksudnya : *Demi Allah, tangan Rasulullah S.A.W tidak pernah menyentuh tangan wanita meskipun ketika membaikat.*

(Riwayat al-Bukhari)

IMPLIKASI ZINA TERHADAP PERKAHWINAN

Islam menyifatkan perbuatan zina sebagai penggugat kehidupan masyarakat dan kesejahteraan ummah. Zina adalah musuh ketat kepada institusi keluarga yang mana keluarga adalah punca dan asas kepada jatuh dan bangun sesebuah negara.

Membenarkan perbuatan zina atau membiarkan masyarakat terus melakukan perbuatan dan perkara yang membawa kepada zina boleh menyebarkan kejahatan dan keburukan di kalangan masyarakat. Ia akan menghancurkan institusi kekeluargaan dan akhir sekali menghancurkan ummah.

Masyarakat Eropah dan masyarakat Barat pada umumnya rosak disebabkan zina. Akhlak yang mulia hancur disebabkan pergaulan yang tidak mengenal batasan. Anak-anak gadis di bawah umur lagi sudah sedia mengenali budaya buruk ini. Dengan kata lain, anak-anak gadis pada umur 15 tahun lagi ataupun yang lebih awal dari itu sudah hilang dara. Tegasnya, bersekedudukan sebelum kahwin adalah perkara biasa bagi masyarakat barat. Oleh itu, hari ini arus pemikiran Barat tersebar luas di kalangan masyarakat dunia. Seruan kebebasan wanita dilaungkan dan pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan tanpa batasan dianggap sebagai perlakuan biasa dalam masyarakat. Al-Qardhawi menegaskan bahawa di antara implikasi-implikasi berlakunya pergaulan bebas ialah :

- Keruntuhan akhlak
- Wujudnya anak-anak yang tidak sah taraf (anak luar nikah)
- Merebaknya pelbagai penyakit merbahaya seperti HIV/AIDS
- Sebahagian besar perempuan dan lelaki akan terus membujang
- Berlakunya keruntuhan rumahtangga kerana perkara-perkara yang remeh

Tidak syak lagi, apabila zina telah berleluasa, maka kebajikan akan turut hancur . Oleh itu azab siksa Allah S.W.T akan mendekati manusia sebagaimana Sabda Rasulullah S.A.W daripada Maimunah R.A :

Maksudnya : *“Umatku (ini) akan terus berada dalam kebaikan selama tidak tersebar luas anak zina di kalangan mereka. Apabila anak zina tersebar luas di kalangan mereka, maka hampir sahaja Allah ‘Azza wajalla akan menurunkan azab siksa kepada mereka seluruhnya.”*

(Riwayat Ahmad, baik sanadnya)

Azab Allah S.W.T kepada pelaku zina bukan hanya dirasai di dunia sahaja malah mereka turut menerima azab seksa di akhirat kelak . Sabda Rasulullah S.A.W :

Maksudnya : *“Tiga golongan pada hari kiamat yang Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka, dan tidak membersihkan mereka dan tidak akan melihat mereka, dan bahkan bagi mereka azab yang amat pedih, (golongan itu) ialah (lelaki dewasa) yang berzina, raja yang pembohong dan peminta-peminta yang sombong.”*

Riwayat Muslim

Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : *“Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan hak (yang dibenarkan oleh syara’), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian akan mendapat balasan dosanya.”*

Surah al-Furqan : 68

KESIMPULAN

Dalam keluarga Islam, hubungan yang dihالalkan melalui pernikahan itu bukan sekadar memenuhi hawa nafsu semata-mata tetapi ia satu ibadah yang bertujuan melahirkan generasi atau zuriat yang soleh.

Keluarga yang soleh ini akan melahirkan masyarakat yang soleh dan akan menjadi asas bagi negara yang soleh, bertamaddun dan berwawasan. Konsep pernikahan seperti inilah yang membezakan manusia dengan haiwan.

Salah satu cara terbaik ialah dengan menanamkan kesedaran kepada masyarakat mengenai hakikat atau falsafah pernikahan dalam Islam sebagai alat mencipta keluarga sakinah, bukan sekadar memenuhi keperluan syahwat semata-mata.

Pengisian nilai-nilai agama sangat diperlukan dalam sebuah keluarga agar memiliki matlamat yang jelas dalam mengisi sebuah perkahwinan. Firman Allah S.W.T :

Maksudnya : "Dan mereka yang menjaga kehormatannya, kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain daripada yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas."

Surah al-Muqminun : 5-7

STATISTIK TANGKAPAN KESALAHAN KHALWAT BAGI TAHUN 2006-2009

BIL	NEGERI	TAHUN			
		2006	2007	2008	2009
1.	Wilayah Persekutuan	273	0	222	821
2.	Selangor	2213	1948	1284	1640
3.	Negeri Sembilan	839	0	399	0
4.	Melaka	0	699	910	900
5.	Pulau Pinang	190	455	584	705
6.	Perak	655	623	0	74
7.	Pahang	124	239	0	1256
8.	Terengganu	389	425	379	307
9.	Kelantan	411	564	705	645
10.	Perlis	153	69	50	44
11.	Kedah	590	470	577	1086
12.	Johor	1792	2057	2192	2923
13.	Sabah	148	0	24	68
14.	Sarawak	180	141	158	129
JUMLAH		7957	7690	7484	10598

Sumber : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)